

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1979**

**PENANGGUNGAN KERJA JAWATAN YANG BARU DIUJUDKAN MELALUI  
WARAN PERJAWATAN**

Saya diarah memaklumkan bahawa Jabatan ini sering menerima permohonan-permohonan daripada Kementerian/Jabatan supaya dibenarkan pegawai-pegawai menjalankan tugas jawatan-jawatan yang baru diwujudkan melalui Waran Perjawatan, di samping menjalankan tugas jawatan hakiki dengan dibayar elaun tanggungan kerja. Penanggungan kerja ini pada kebiasaannya telah dilakukan sebelum kelulusan untuk berbuat demikian diberi. Dengan ini adalah dinyatakan bahawa penanggungan kerja seumpama itu tidak teratur.

2. Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan bahawa bagi jawatan-jawatan yang telah sedia dipenuhi, seseorang pegawai harus ditugaskan untuk menanggung kerja jawatan tersebut apabila penyandang jawatan itu tidak menjalankan tugas disebabkan bercuti atau pun bertukar oleh kerana telah sedia ada urusan-urusan yang harus dijalankan. Tetapi bagi jawatan-jawatan yang baru diwujudkan, adalah sukar untuk melihat bertambahnya tanggungjawab kepada tugas-tugas *yang telah sedia ada kepada* seseorang pegawai yang ditugaskan menanggung kerja selagi jawatan itu belum lagi dipenuhi oleh seseorang pegawai yang sebenarnya.

3. Oleh yang demikian, mulai daripada tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pegawai-pegawai tidak lagi dibenarkan menanggung kerja jawatan-jawatan yang baru diwujudkan melalui Waran Perjawatan sebelum jawatan-jawatan itu diisi secara hakiki. Jika sekiranya jawatan-jawatan tersebut perlu diisi secara tanggungan kerja juga, maka Ketua-ketua Kementerian/Jabatan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran Jabatan ini sebelum pegawai-pegawai boleh diarah menanggung kerja jawatan-jawatan tersebut. Untuk tujuan ini Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat mengikut [Lampiran "A"](#) semasa mengemukakan permohonan untuk mendapat kebenaran sebelum menjalankan tugas.

4. Kebenaran untuk menanggung kerja jawatan baru seperti yang dimaksudkan di atas akan hanya diberi berdasarkan kepada menasabahnya sesuatu kes yang dikemukakan dan tidak secara umum.

Saya yang menurut perintah,

(IBRAHIM BIN ABDUL MALIK)  
*Bahagian Perkhidmatan,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.*

*4hb Julai, 1979*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua-ketua Pengarah Jabatan.  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

PERMOHONAN PENANGGUNGAN KERJA JAWATAN YANG BARU  
DIJUDKAN MELALUI WARAN PERJAWATAN

1. Kedudukan taraf jawatan (samada jawatan baru itu bertaraf sebagai Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Cawangan).
2. Jawatan Baru.
  - (i) Senarai tugas sepenuhnya jawatan baru yang hendak ditanggung kerja.
  - (ii) Sebab-sebab mengapa tugas serta tanggungjawab jawatan baru itu perlu dijalankan dengan segera.
  - (iii) Sebutkan apakah akibat-akibatnya, jika ada, sekiranya tugas-tugas jawatan baru itu tidak dijalankan secara penanggung kerja.
3. Pegawai yang diperakukan.
  - (i) Senarai tugas jawatan hakiki pegawai yang diperakukan untuk menanggung kerja.
  - (ii) Bagaimana rapatnya hubungan antara tugas-tugas jawatan baru dengan tugas jawatan pegawai hakiki.
  - (iii) Samada pegawai yang diperakukan itu paling layak dari segi kesesuaian, kebolehan dan kecekapan menanggung kerja jawatan baru itu; ataupun pegawai itu diperakukan hanya sebagai langkah sementara untuk mengisi kekosongan jawatan itu.
4. Carta Organisasi yang menunjukkan kedudukan kedua-dua jawatan.